

MAJLIS PERASMIAN PESTA TAMU GADANG KE 12
TEKS UCAPAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.
Y.BHG. PROF MADYA DR KASIM BIN HJ MD MANSUR

Bismillahi Rahmanir Rahim,

Assalammualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Amat Berbahagia Tun Datuk Seri Panglima Hj. Ahmadshah bin Abdullah dan Yang Amat Berbahagia Toh Puah Datuk Seri Panglima Hjh Dayang Masuyah Awang Japar.

Terlebih dahulu bagi pihak seluruh warga Universiti Malaysia Sabah, saya menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih di atas kehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan ke Majlis Perasmian Tamu Gadang bersempena dengan Konvokesyen UMS kali yang ke-12 tahun 2010.

"Sejambak budi, Seerat Kasih" kami ucapkan kepada Yang Amat Berbahagia Tun dan Toh Puan di atas keprihatinan untuk terus menyemarakkan lagi acara-acara yang dianjurkan oleh UMS. Sudah pasti warga kerja UMS khususnya, dan mahasiswa mahasiswi UMS akan terus meningkatkan tekad cemerlang yang selama ini menjadi motto Universiti.

Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan, izikan saya untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin dan hadirat yang bersama-sama memeriahkan lagi majlis pada pagi ini.

Salutasi:

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang Terutama Yang DiPetua Negeri Sabah
Tun Datuk Seri Panglima Hj. Ahmadshah Bin Abdullah
Merangkap Canselor Universiti Malaysia Sabah

Dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Seri Panglima
Hajah Dayang Masuyah binti Awang Japar

Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah
Dan Isteri Puan Sri Zainab Aman

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah

Yang Berbahagia Brig. Jeneral Prof. Datuk Seri Panglima
Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah
Dan Isteri Y.Bhg. Prof. Datin Seri Panglima Dr. Ann Anton

Pegawai-Pegawai Utama dan Kanan Universiti

Dekan-Dekan, Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Jabatan Universiti
Malaysia Sabah

Saudara Mohammad Syafiq Ridzwan Bin Jamaluddin
Pemangku Presiden Majlis Perwakilan Pelajar

Mahasiswa dan Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin sekalian.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin-Nya maka kita dapat bersama-sama pada hari ini di Majlis Perasmian Pesta Tamu Gadang kali Ke - 12 untuk tahun 2010. Bagi pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Abdul Hamid Ego, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah dan isteri Yang Berbahagia Puan Sri Zainab Aman. Selamat datang juga diucapkan kepada Yang Berbahagia Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj.Ampom, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah bersama isteri Yang Berbahagia Prof. Datin Seri Panglima Dr. Ann Anton. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan atas kehadiran dan sokongan yang diberikan bagi menjayakan lagi Majlis Tamu Gadang ke-12 ini.

Ucapan Syabas dan tahniah juga kepada semua ahli jawatankuasa pelaksana program yang diketuai oleh Saudara Muhammad Khairi Azizan kerana telah berjaya mengadakan program Tamu Gadang yang menjadi tradisi kepada acara tahunan pesta konvo Universiti Malaysia Sabah.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan hadirin sekalian.

Universiti Malaysia Sabah sebagai universiti ke – 9 di Malaysia kini telah mencecah usia 16 tahun sejak penubuhannya pada November 1994. Sejak Universiti ini ditubuhkan, hampir 30 000 orang graduan telah dilahirkan dengan kapasiti kakitangan seramai lebih daripada 2,000 orang dan enrolmen pelajar yang bertambah setiap tahun dan kini melebihi 16,000 orang.

Kecemerlangan demi kecemerlangan telah dikecapi oleh mahasiswa dan mahasiswi dari tahun ke tahun. Kita telah melihat sendiri bagaimana kejayaan demi kejayaan tercipta dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi unggul Universiti Malaysia Sabah. Antara kejayaan paling manis yang dikecapi oleh siswa-siswi UMS termasuklah ketika SIFE UMS mengharumkan negara Malaysia selepas menjadi Johan di peringkat

Kebangsaan untuk mewakili negara dalam pertandingan SIFE World Cup 2009 di Berlin Germany. Kejayaan ini bukan sahaja mengukir senyuman lebar di kalangan pesertanya malah turut menjadi kemegahan dan kebanggaan warga UMS secara keseluruhannya.

Tahun ini walaupun SIFE UMS menyandang Naib Johan diperingkat kebangsaan, tetapi kehebatan dan kecerdasan para perserta dari UMS telah membawa pasukan kebanggaan kita ini sekali lagi dipilih mewakili Malaysia dalam forum SIFE World Cup Exposition di Los Angeles yang akan berlangsung pada 10 – 12 Oktober iaitu bermula pada Ahad ini. Seramai 9 orang pelajar UMS kini dalam perjalanan ke Los Angeles untuk menyertai forum berkenaan. Ini menunjukkan mahasiswa dan mahasiswa UMS tidak ketinggalan dalam arus perdana kecemerlangan diperingkat nasional tetapi turut mengangkat nama negara diperingkat antarabangsa.

Selain perkembangan yang memberangsangkan seumpama ini, pelajar-pelajar UMS juga terus mengangkat mercu kejayaan dalam bidang yang lain. Terbaru, pelajar-pelajar sekali lagi menunjukkan kemampuan dengan menonjolkan kekreatifan melalui ciptaan rekod baru dalam menghasilkan Biskut Bendera Jalur Gemilang yang terpanjang di

Malaysia. Dengan ukuran sebanyak 60 meter X 3 meter, ciptaan ini telah memadamkan rekod lama sekaligus mendapat pengiktirafan dalam Malaysia Books Of Record. Saya selaku Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni sememangnya amat berbangga dengan pencapaian dan kejayaan yang diperoleh oleh mahasiswa dan mahasiswi UMS. Saya percaya, pelbagai kejayaan lain yang pastinya akan menyusul selepas ini selaras dengan moto Bertekad Cemerlang yang menjadi inspirasi warga Universiti Malaysia Sabah, InsyaAllah.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Para hadirin sekalian,

Program Pesta Konvo Tamu Gadang ini merupakan salah satu program terbesar universiti yang dikelolakan oleh jawatankuasa pelajar sepenuhnya dan di pantau oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar bersama dengan jabatan-jabatan lain di UMS. Usaha dan kerjasama padu ini pastinya akan diteladani masyarakat setempat melalui kesepakatan dan perpaduan yang ditunjukkan kerana dengan kesepadan seumpama inilah maka kita dapat melahirkan bangsa yang cemerlang dan mampu meneruskan kesinambungan kebijaksanaan tumpuk kepimpinan negara dalam meneruskan keharmonian, kesejahteraan dan pembangunan masyarakat nusa dan bangsa. Bak kata pepatah bulat air kerana

pembentung, bulat kata kerana muafakat. Usaha ini juga sekaligus menyahut terhadap saranan YAB Perdana Menteri dalam menjayakan konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

Sesungguhnya, penglibatan pelajar dalam menggerakkan program dan aktiviti kemahasiswaan adalah salah satu cara mendidik mahasiswa kearah keseimbangan antara akademik dan bukan akademik seperti keterampilan dan sahsiah diri pelajar berkenaan. Melalui penerapan nilai-nilai murni yang bersifat sejagat serta keterbukaan berfikir dengan penuh tanggungjawab di kalangan para pelajar maka diharap akan mencapai hasil kerja yang optimum dan berkualiti tinggi.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor, para hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor dan Y.Bhg. Toh Puan atas kesudian hadir bersama-sama dengan kita bagi menyemarakkan lagi program Tamu Gadang ke-12 ini. Kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini diharap akan terus berkerjasama untuk membantu mendidik dan melahirkan golongan pelajar yang cemerlang di masa akan datang.

Kepada jawatankuasa pelaksana program, pergunakan peluang yang ada ini untuk menimba pengetahuan yang amat berguna sebagai bekalan dalam mengharungi masa depan yang pastinya lebih mencabar. Eratkan silaturahim, rapatkan permuafakatan, dan simpulkan perpaduan demi melahirkan masyarakat intelek yang mampu menyumbang kearah kepesatan pembangunan negara yang kita cintai ini. Untuk itu, saya sudahi ucapan saya dengan Wabilahi Taufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian dan terima kasih.